

27 APR 1998

MAAL HIJRAH 1419 DISAMBUT SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Seramai 1,300 umat Islam dijangka menghadiri perhimpunan sambutan Maal Hijrah 1419 peringkat kebangsaan yang akan disambut secara sederhana esok, kata Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dijadual menghadiri perhimpunan itu yang akan turut disertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Muktamar Pusat Islam di sini.

Sambutan tahun baru bagi umat Islam ini bermula malam ini dengan masjid-masjid seluruh negara mengadakan majlis tahlil dan doa selamat. Majlis di Masjid Negara turut dihadiri Tuanku Ja'afar dan Dr Mahathir.

"Perhimpunan tahun ini dibuat secara sederhana sebagai usaha berjimat dan tiada pemilihan tokoh Maal Hijrah dibuat," kata Abdul Hamid ketika dihubungi di sini hari ini.

Katanya pemilihan tokoh Maal Hijrah tidak semestinya dibuat setiap tahun dan keputusan yang sama dilakukan pada sambutan Maal Hijrah 1417 kerana jawatankuasa pemilihan ketika itu menetapkan tiada yang layak sebagai penerima.

Penerima anugerah tokoh Maal Hijrah tahun lepas ialah Prof Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid.

Tema sambutan tahun ini ialah "Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita" dan satu persembahan pantomin serta nasyid dengan mesej menggalakkan umat Islam menabung, akan disampaikan pada perhimpunan itu, katanya.

-- BERNAMA

NHD RON